



Oleh Che Johari Mamat
mjohari@mpob.gov.my

Kerajaan sasar 23 peratus OER menjelang tahun 2020

Langkah meningkatkan OER adalah EPP4 industri sawit di bawah NKEA

PUTRAJAYA: Kerajaan menyasarkan kilang yang memproses buah sawit bagi menghasilkan minyak sawit mentah perlu mencapai 23 peratus Kadar Perahan Minyak (OER) menjelang tahun 2020.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok berkata demikian pada sidang media bagi menjelaskan perkembangan terkini pelaksanaan 'Entry Point Projects - EPPs' di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) bagi industri sawit.

Langkah meningkatkan OER itu adalah EPP ke-4 daripada 8 EPP industri sawit yang dikenal pasti dan melalui pelaksanaan ke lapan-lapan EPP itu, Kerajaan menganggarkan berupaya menjana RM178 bilion Pendapatan Negara Kasar pada tahun 2020 bagi industri sawit.

Bagi melaksanakan EPP ke-4 itu, beliau berkata kilang sawit dirangka mengikut prestasi pencapaian OER dan sumber bekalan buah sawit yang diproses. Setelah itu, kilang sawit dikategorikan kepada tiga kategori.

"Kategori A adalah kilang yang mencapai OER kurang dari 20 peratus dan memproses 50 peratus buah sawit dari bekalan ladang luar.

"Kategori B pula di bahagikan kepada dua. Kategori B1 adalah terdiri dari kilang sawit FELDA dan B2, kilang yang mencapai OER melebihi 20 peratus atau memproses kurang dari 50 peratus buah sawit bekalan ladang luar.

"Kilang yang hanya memproses buah sawit dari bekalan ladang sendiri di bawah Kategori C."

Tan Sri Bernard Dompok berkata seorang Pegawai Penguatkuasa MPOB akan ditempatkan di setiap kilang sawit kategori A dan B2 bagi



TAN Sri Bernard Dompok semasa sidang media EPP industri sawit.

mengawasi aktiviti pemrosesan buah sawit di kilang berkenaan

"Kilang di bawah kategori selain itu akan diawasi oleh Pegawai Penguatkuasa dari Pejabat Wilayah dan Cawangan MPOB."

"Kilang sawit juga akan di kelompokkan dan setiap satu kelompok mengandungi tidak melebihi 5 buah kilang dalam lingkungan jarak 50

kilometer antara satu sama lain.

"Berdasarkan kepada kriteria ini, sejumlah 104 kelompok telah dikenalpasti yang merangkumi kategori-kategori yang ditetapkan itu.

"Pada masa ini, sejumlah 100 Pegawai Penguatkuasa telah ditempatkan di kilang-kilang Kategori A seluruh negara dan kita bercadang

untuk mengambil 86 pegawai lagi untuk ditempatkan di kilang Kategori B1," katanya.

Tan Sri Bernard juga menyentuh mengenai EPP5, iaitu pembangunan kemudahan loji biogas di kilang-kilang sawit bagi memerangkap gas metana untuk menghasilkan kuasa elektrik.

"Setakat ini sejumlah 36 kilang

“Kategori A adalah kilang yang mencapai OER kurang dari 20 peratus dan memproses 50 peratus buah sawit dari bekalan ladang luar”

Tan Sri Bernard Dompok
Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi

sawit sudah mempunyai kemudahan loji biogas dan kita mengenalpasti sejumlah 38 buah lagi untuk tujuan itu dan pada masa ini kerja-kerja membina kemudahan loji berkenaan sedang dalam pelaksanaan." katanya.

Beliau menyarankan kilang sawit yang masih belum mempunyai kemudahan itu supaya membina kemudahan tersebut dan kerajaan melalui MPOB akan menganjurkan seminar pada masa terdekat untuk membincang aspek teknikal dan ekonomi berkaitannya.

Turut hadir pada sidang media itu Timbalan Ketua Setiausaha 1, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datin Paduka Nurmalia Abdul Rahim dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May.



SKIM TANAM SEMULA SAWIT PEKEBUN KECIL (TSSPK)

(Projek EPP1 di bawah NKEA)

Jangan Berlelah Lagi....!



BANTUAN RM 7,000 PER HEKTAR

SYARAT PERMOHONAN

- Warganegara Malaysia
- Pekebun kecil sawit persendirian dengan jumlah keluasan pemilikan tanah maksimum 40.46 hektar (100 ekar).
- Mempunyai lesen MPOB
- Tanaman sawit berumur melebihi 25 tahun atau yang tidak produktif.
- Boleh memohon secara individu atau berkelompok.
- Had maksimum bantuan 40.46 hektar

BANTUAN PENYELENGGARAAN KEBUN (BPK)
BPK sebanyak RM500/bulan akan diberi selama dua tahun kepada pemohon yang lulus dan memenuhi syarat seperti berikut:

- Pekebun kecil sawit sepenuh masa
- Mempunyai pemilikan tanah sawit tidak lebih daripada 2.5 ha secara agregat.
- Bergantung hidup daripada hasil pokok yang akan ditanam semula dan tiada sumber pendapatan tetap yang lain.
- Satu pemohon sahaja layak jika ada penama lain dalam satu geran.
- Layak sekali sepanjang tempoh skim

KAEDAH PELAKSANAAN PROGRAM
Pemohon boleh memilih salah satu kaedah pelaksanaan seperti di bawah:

- Pekebun menguruskan sendiri semua kerja berkaitan penyediaan tapak dan membeli anak benih daripada pembekal yang ditentukan oleh MPOB dan input pertanian dari pembekal yang terpilih dan menuntut bayaran daripada MPOB dengan mengemukakan resit/surat akuan bersaksi.
- Pekebun boleh menyerahkan urusan penyediaan tanam semula, menanam dan membekal input pertanian kepada kontraktor yang dilantik oleh MPOB.
- Pelaksanaan adalah secara individu dan kelompok.

UNTUK KETERANGAN LANJUT, SILA HUBUNGI

- Zulkifli Abd Manaf (Tel: 03-8769 4489/03-8925 1122)
- Khairul Ismail (Tel: 03-8769 4936/03-8925 1122)

Terbuka kepada semua pekebun kecil sawit persendirian.
Tempoh skim : Februari – Disember 2011
Tempoh permohonan : Februari – Mei 2011

Minda

Datuk Dr Choo Yuen May
KETUA PENGARAH MPOB

22 tan/hektar Buah Tandan Segar untuk Pekebun Kecil Sawit



TAN Sri Bernard Dompok (dua dari kanan) semasa sidang media mengenai EPP sektor sawit. Turut kelihatan, Timbalan Ketua Setiausaha (Komoditi), Datin Paduka Nurmalia Abdul Rahim (kanan) dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May (kiri).

Oleh Che Johari Mamat
mjohari@mpob.gov.my

PUTRAJAYA: Kerajaan menetapkan sasaran kepada pekebun kecil sawit persendirian untuk menghasilkan 22 tan sehektar Buah Tandan Segar (BTS) menjelang tahun 2020 kata Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok.

Manakala penghasilan BTS pekebun kecil tersusun di bawah agensi seperti FELDA, FELCRA, RISDA dan Kerajaan Negeri ditetapkan 26 tan sehektar dan sektor ladang atau estet pula disasarkan 28 tan sehektar pada 2020.

Sasaran untuk meningkatkan penghasilan BTS adalah 'Entry Point Projects -EPPs ke-2 yang dikenalpasti oleh Kerajaan bersama tujuh (7) lagi EPPs lain di bawah Bidang Ekonomi Utama Nasional (NKEA) untuk Industri Sawit.

NKEA merupakan Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang dirancang oleh kerajaan untuk melonjak pertumbuhan ekonomi dan mentransformasikan Malaysia daripada ne-

Kerajaan juga menetapkan 26 tan/hektar untuk peneroka, 28 tan/hektar untuk estet

gara berpendapatan sederhana kepada negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Melalui pelaksanaan EPP2 ini, kerajaan menganggarkan industri sawit akan berupaya menjana Pendapatan Negara Kasar berjumlah RM10.2 bilion, membuka 1,600 peluang kerja baru dan meningkatkan pendapatan pekebun kecil seluruh negara sebanyak 47 peratus pada tahun 2020.

Beliau berkata untuk meningkatkan penghasilan BTS bagi ketiga-tiga kategori ini MPOB dipertanggungjawabkan bagi menambah bilangan Pegawai Tunjuk Ajar dan Nasihat Sawit (TUNAS) untuk memberi nasihat dan tunjuk ajar kepada pekebun kecil cara dan penyenggaraan tanaman sawit yang sistematik.

"Selain itu pekebun kecil persendirian dikelompokkan di bawah koperasi disamping memastikan peke-

bun kecil persendirian, pekebun kecil tersusun dan ladang mengamalkan amalan baik pertanian."

"Pegawai TUNAS itu telah dilatih dan sudah ditempatkan di Pejabat-pejabat Cawangan di seluruh negara mulai 1 Mac 2011 baru lalu."

"Pada tahun 2010, sebanyak 4 buah Koperasi telah ditubuhkan dengan purata 786 pekebun kecil persendirian menjadi ahli bagi setiap koperasi meliputi keluasan 17,076 hektar.

"Tahun 2011, Kerajaan merancang untuk mengelompokkan 25,761 pekebun kecil persendirian meliputi keluasan 107,312 hektar dengan menubuh 11 buah koperasi di seluruh negara."

"Untuk tahun 2011, 3 buah koperasi telah ditubuhkan iaitu di Kluang, Johor, Belaga, Sarawak dan Kinabatangan, Sabah dengan jumlah 9,848 pekebun kecil persendirian menjadi ahli meliputi keluasan 42,837 hektar," katanya.

Oleh Nik Aznizan Nik Ibrahim
aznizan@mpob.gov.my

MESYUARAT Sesi Ke-22 Codex Committee on Fats and Oils (CCFO) berlangsung dari 21 hingga 25 Februari 2011 di Batu Feringgi, Pulau Pinang.

Seramai 100 delegasi dari 31 buah negara ahli dari seluruh dunia serta sebuah pertubuhan dan sembilan pertubuhan antarabangsa telah menghadiri mesyuarat pada kali ini. Ini adalah kali kedua diadakan di negara ini selepas Malaysia mengambil alih sebagai Pengerusi CCFO dari United Kingdom pada tahun 2009.

CCFO adalah jawatankuasa di bawah Codex Alimentarius Commission, sebuah badan gabungan antara Food and Agriculture Organization of the United Nations (FAO) dan World Health Organization (WHO) yang bertanggungjawab menyediakan piawai, garis panduan dan saranan yang digunakan dalam perdagangan makanan antarabangsa.

Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Puan Noraini Dato' Mohd Othman, Pengarah Kanan Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Ke-

Mesyuarat CCFO Kali Kedua di Malaysia berjaya

menterian Kesihatan Malaysia (KKM).

Ketua Pengarah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Datuk Dr. Choo Yuen May telah mengetuai Delegasi Malaysia seramai 19 orang yang membawa mandat besar ke mesyuarat tersebut bagi menjaga kepentingan industri lemak dan minyak negara terutamanya ke atas isu-isu yang berkaitan minyak sawit.

Turut serta dalam Delegasi Malaysia ialah Pengarah Bahagian Pembangunan Produk dan Khidmat Nasihat MPOB, Dr. Kalanithi Nesaretnam serta para saintis MPOB dan para pegawai daripada Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK), Kementerian Kesihatan Malaysia, Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC), Biro Pengawasan Farmaseutikal Kebangsaan, MISC Berhad, Sime Darby Plantations, Persatuan Penapis Minyak Sawit Malaysia (PORAM) serta wakil-wakil daripada Persekutuan Pengilang-pe-

ngilang Malaysia (FMM).

Antara isu yang dibincangkan di mesyuarat itu ialah deraf dan cadangan deraf senarai kargo sebelum yang boleh diterima dalam amalan penyimpanan dan pengangkutan lemak dan minyak dalam jumlah yang besar. Di dalam mesyuarat pada kali ini, negara ahli mencapai kata sepakat walaupun mendapat tentangan daripada beberapa buah negara untuk memajukan isu yang diperdebatkan tahun-tahun lamanya ini ke peringkat seterusnya di dalam prosedur Codex.

Isu lain yang turut dibincangkan adalah cadangan pindaan ke atas standard minyak sayuran bagi memasukkan minyak isirung sawit olein dan stearin. Mesyuarat CCFO pada kali ini boleh dianggap berjaya kerana kebanyakan isu berkepentingan negara telah diketengahkan dan dipersetujui oleh jawatankuasa di mana keputusannya memihak kepada Malaysia.

USAHA MPOB untuk diiktiraf sebagai pusat kecemerlangan penyelidikan dan pembangunan sawit dunia memerlukan pendekatan yang mampan. Justeru itu, bioteknologi diyakini dapat mempercepatkan usaha ke arah merealisasikan harapan tersebut.

Di bawah Program Transformasi Ekonomi Negara, industri sawit perlu berdaya saing secara proaktif bagi mengukuhkan kedudukannya sebagai tulang belakang ekonomi negara.

Oleh yang demikian, produktiviti perlu dipertingkatkan secara berterusan bagi mengekalkan persaingan dengan negara-negara pengeksport minyak sawit.

Kedua-dua faktor tersebut kini menjadi teras penyelidikan dan pembangunan MPOB di samping pengukuhan sumber manusia yang menjadi pemangkin utama terhadap pelaksanaan setiap dasar yang membawa kepada kecekapan menyeluruh meliputi setiap peringkat dalam industri sawit negara.

Berdasarkan kajian topografi terkini, keluasan tanaman sawit di Malaysia tidak akan bertambah secara mendadak. Kawasan penanaman yang semakin terhad menjadikan industri sawit amat memerlukan bahan tanaman yang mampu memberikan hasil yang tinggi bagi memastikan industri sentiasa menjana keuntungan yang tinggi.

MPOB mempunyai kelebihan dari segi pemilikan koleksi germplasma asli sawit yang terbesar di dunia. Sehingga kini, MPOB telah berjaya menghasilkan variasi tanaman baharu seperti PS1 (renek) dan PS2 (kandungan asid lemak tak tepu yang tinggi) daripada koleksi ini yang kemudiannya diagihkan kepada industri perladangan sawit tempatan.

Walau bagaimanapun, pengeksplotan germplasma melalui teknik pembiakbakaan tradisi memerlukan jangkamasa yang panjang. Satu kitaran hayat sawit biasanya mengambil masa sehingga 10 tahun. Sebagai alternatif, MPOB seterusnya berusaha menghasilkan bahan tanaman sawit melalui teknik pengklonan atau kultur tisu.

Pada kebiasaannya hanya bahan tanaman elit akan dipilih pada peringkat permulaan bagi memastikan klon tanaman yang dihasilkan adalah seragam dan bermutu tinggi. Secara umum, proses kultur tisu sawit mempunyai batasan tersendiri.

Bagi mengatasi masalah tersebut, MPOB terus berusaha meningkatkan keberkesanan teknik kultur tisu melalui penambahbaikan teknologi seperti kultur tisu ampai bagi meningkatkan kadar pengeluaran klon sawit baharu dan penanda biologi untuk penyaringan pokok induk bagi tujuan pengkulturan dan variasi somaklonal.

Permintaan terhadap bahan tanaman bermutu semakin meningkat dengan pelancaran skim tanaman semula bagi mengimbangi harga pasaran minyak sawit dunia.

Dengan kepakaran yang ada di MPOB, khidmat nasihat teknikal turut diberikan kepada makmal kultur sawit yang baharu beroperasi bagi turut sama memenuhi permintaan terhadap bahan tanaman bermutu.

MPOB juga mengamalkan teknik bioteknologi termaju untuk mengeluarkan tanaman sawit yang mengeluarkan hasil tinggi dan bermutu. Seiring dengan usaha ini, MPOB menjujuk tiga genom daripada kedua-dua spesies sawit iaitu *Elaeis guineensis* dan *Elaeis oleifera*. Program penjujukan genom sawit MPOB telah dijalankan secara usaha sama dengan makmal terkenal di Korea Selatan dan Amerika Syarikat.

Strategi jangka masa panjang MPOB adalah untuk mengenalpasti gen-gen yang penting bagi menghasilkan pokok sawit yang lebih produktif serta mempunyai ciri-ciri komersial yang lebih tinggi.

Untuk sasaran jangka masa pendek, MPOB melalui usaha sama dengan rakan kongsi strategik telah membangunkan landasan teknologi genomik yang relevan seperti mikroarray oligo dan teknologi analisa genotip. Penjujukan genom serta penganalisisannya telah menghasilkan kuantiti data pada skala yang tinggi.

Limpahan data tersebut memerlukan suatu sistem pengurusan data yang efisien. Justeru itu, MPOB sedang berusaha memantapkan kemudahan dan tenaga manusia dalam sektor bioinformatik. Sektor ini yang berasaskan komputerisasi biologi adalah antara komponen bioteknologi yang berkembang pesat dan menjadi kian penting.

Secara keseluruhan, usaha program genom sawit akan membolehkan industri sawit negara terus menerajui pasaran minyak sawit antarabangsa dengan menawarkan produk bernilai tambah yang dapat menjana pendapatan yang lebih untuk negara.

Langkah ini juga akan dapat meningkatkan daya saing industri sawit negara dengan kelebihan kualiti minyak serta menjadikan Malaysia sebagai peneraju hab industri sawit dunia untuk jangka masa panjang. Penyelidikan dan pembangunan berkaitan genom telah dirancang dengan teliti, sistematik dan berwawasan untuk memastikan kesemua harta intelek akan kekal menjadi hak mutlak negara.



China kekal pengimport utama minyak sawit Malaysia

China mengimport sejumlah 3.48 juta tan tahun 2010

Dr Faizah Mohd Shariff
faizah@mpob.gov.my

KUALA LUMPUR: "China merupakan pengimport utama minyak sawit Malaysia untuk tempoh sembilan tahun berturut-turut. Tahun 2010, China mengimport sejumlah 3.48 juta tan diikuti oleh Pakistan 2.13 juta tan."

Negara pengimport utama lain terdiri dari Kesatuan Eropah (EU), India, Amerika Syarikat, Mesir dan Jepun. Jumlah eksport bagi ketujuh-tujuh negara ini 11.37 juta tan atau merangkumi 68.2 peratus daripada jumlah eksport minyak sawit Malaysia tahun 2010."

Tan Sri Bernard Dompok berkata peningkatan import minyak sawit Malaysia itu adalah hasil dari usaha Kementerian dan ahli-ahli industri melalui lawatan promosi pasaran dan kerjasama mengukuhkan hubungan pasaran dua hala dengan negara-negara berkenaan.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan 'Palm Oil Economic Review and Outlook Seminar 2011' di sini baru baru ini. Turut hadir pada majlis itu Pengerusi MPOB, Dato' Seri Utama Shahril Abdul Samad, Timbalan Ketua Setiausaha (Komoditi), KPPK, Datin Paduka Nurmalia Abdul Rahim dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May.

Beliau berkata objektif utama seminar ini adalah untuk menghebahkan prestasi industri sawit 2010. Seramai 250 peserta dari kalangan ahli industri menyertai seminar berkenaan.



TAN Sri Bernard Dompok ketika berucap merasmikan Palm Oil Economic Review and Outlook Seminar 2011.

"Peningkatan import minyak sawit ke Pakistan pula adalah kesan daripada pemotongan duti cukai import minyak sawit sebanyak 15 peratus melalui 'Free Trade Agreement - FTA' antara Malaysia de-

ngan Pakistan." "Bagi negara EU, permintaan ke atas minyak sawit meningkat 9.1 peratus kepada 2.06 juta tan, manakala kuatkuasa pelebelan 'trans-fatty acid' dibungkus produk makanan telah melon-

jak permintaan dan penggunaan minyak sawit di Amerika Syarikat sebanyak 19.6 peratus kepada 1.03 juta tan pada tahun 2010," katanya.

Pada separuh pertama tahun 2010, harga MSM diniagakan pada paras RM2,549 setan telah meningkat kepada RM3,620 setan pada bulan Disember 2010.

"Kekukuhan harga MSM ini dipengaruhi sentimen positif pasaran lanjutan keruncingan bekalan minyak sayuran dunia terutama minyak kacang soya disamping paras stok MSM yang rendah."

Sehubungan dengan itu, purata harga MSM pada tahun 2010 meningkat sebanyak RM464.50 atau 20.8 peratus kepada RM2,701.00 satu tan berbanding RM2,236.50 pada tahun 2009."

"Purata harga isirong sawit juga turut meningkat 62.2 peratus kepada RM1,735.50 manakala purata harga Buah Tandan Segar pula meningkat 30.3 peratus kepada RM605 satu tan pada tahun 2010."

Tan Sri Bernard Dompok juga berkata, eksport produk sawit meningkat 2.8 peratus atau 0.63 juta tan kepada 23.06 juta tan berbanding tahun 2009 berjumlah 22.43 juta tan.

Sebanyak lapan kertas kerja dibentangkan pada seminar itu yang merangkumi isu-isu pekerja, kos pengeluaran, penanaman semula sawit, pelaksanaan B5 dan isu-isu 'Free Trade Agreement - FTA'.

Malaysia, Indonesia tangani publisiti negatif sawit

Oleh Nor Ashikin Mohd Hassim
ashikin@mpob.gov.my

KELANA JAYA: Malaysia dan Indonesia bersetuju bekerja sama bagi menangani publisiti negatif minyak sawit dunia, demikian dinyatakan pada Mesyuarat Kerjasama Dua Hala Malaysia-Indonesia yang diadakan di Solo, Indonesia, baru-baru ini.

Mesyuarat dipengerusikan Dr Rosediana Suharto dari Majlis Minyak Sawit Indonesia (IPOC) dan Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC), Tan Sri Dr Yusof Basiron yang turut mengetahui delegasi Malaysia terdiri daripada wakil KPPK, MPOB, MPOC dan industri.

Untuk itu, kedua-dua negara menubuhkan Pasukan Petugas Bersama bagi Mempromosikan Imej Minyak Sawit (Joint Task Force To Promote The Image of Palm Oil) dan mesyuarat pertama diadakan bagi mengenalpasti langkah yang perlu diambil untuk menangkis publisiti negatif minyak sawit di mata dunia.

Mesyuarat Peringkat Kumpulan Kerja Minyak Sawit (SWGPO) juga turut diadakan selepas mesyuarat itu dengan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May, mewakili delegasi Malaysia yang disertai seramai 14 orang. Mesyuarat memberi penekanan terhadap isu berkaitan peraturan baru negara Kesatuan Eropah terhadap bahan bakar yang boleh diperbaharui (EU RED).

Hasil mesyuarat itu, Malaysia dan Indonesia bersetuju memanjangkan isu berkaitan kepada Jawatan Kuasa Halangan Perdagangan (TBT) di peringkat WTO. Ini berikutan kemungkinan peraturan dikenakan dalam EU RED bercanggah dan tidak selari peraturan WTO.

Mesyuarat turut dimaklumkan bahawa sejak EU RED dilaksanakan pada Disember 2010, hanya Jerman yang menerima pakai peraturan disediakan serta mewujudkan skim pensijilan.

Di samping itu, pada Mesyuarat Peringkat Kumpulan Kerja Minyak Sawit kali ke-13, Malaysia turut mengemukakan bahawa satu Seminar Antarabangsa Berkaitan Pengurusan Bersepadu Penyakit dan Perosak Sawit dijangka akan diadakan secara usaha sama antara MPOB dan IOPRI pada 14 November, 2011 di Kuala Lumpur.

Tarikh ini dipilih kerana bersempena acara PIPOC 2011 iaitu seminar dwitahunan MPOB yang akan diadakan pada 15 hingga 17 November depan.

Produk keju krim analog menang pingat emas

Oleh Che Johari Mamat
mjohari@mpob.gov.my

BANGI: Penyelidik MPOB, Dr Karimah Ahmad, merangkul Pingat Emas dalam pertandingan reka cipta dan inovasi sempena Malaysia Technology Exposition (MTE) 2011, kali ke-10 yang berlangsung di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC), baru baru ini.

Pingat Emas itu dimenangi melalui teknologi hasil penyelidikan selama empat tahun bertajuk Potential of Palm Oil in the Production of Cream Cheese Analogue on Different Food Applications."

Dr Karimah yang mempunyai pengalaman lebih 20 tahun sebagai penyelidik di MPOB berkata, keju krim analog berasaskan minyak sawit dihasilkan sebagai keju alternatif kepada keju krim yang diimport daripada luar negara.

"Ta mempunyai ciri tersendiri iaitu menggunakan minyak sawit keluaran dalam negara sebagai bahan mentah menggantikan lemak susu import yang kebiasaannya digunakan di dalam peng-

hasilan keju krim.

"Proses penghasilan keju krim analog berasas sawit juga menggunakan teknik pemprosesan yang singkat dan tidak memerlukan penggunaan bakteria seperti lazim digunakan bagi penghasilan keju krim yang diimport," katanya.

Beliau berkata, penggunaan minyak sawit juga berupaya mempelbagaikan kegunaan keju krim analog yang dihasilkan seperti menambah rasa dan pewarna mengikut cita rasa dan keperluan pengeluar atau pengguna.

"Antara aplikasi keju krim analog adalah sebagai bahan dalam produk kek keju, salad dan sos keju. Keju ini juga digunakan sebagai pengganti mentega atau minyak zaitun dalam kentang kisar untuk mencipta rasa krim," katanya.

MTE adalah acara tahunan anjuran Malaysian Association of Research Scientists (MARS) sebagai forum untuk penyelidik institusi penyelidikan dan individu sama ada dari dalam atau luar negara bagi mengenengahkan hasil reka cipta, inovasi dan penyelidikan ter-



DR KARIMAH bersama pingat yang dimenangnya dalam pertandingan reka cipta dan inovasi sempena Malaysia Technology Exposition 2011.

kini untuk pengkomersialan.

Sejumlah 480 penyertaan daripada pelbagai institusi pengajian tinggi dan agensi penyelidikan dari dalam dan luar negara menyertai per-

tandingan itu.

Dr Karimah berkata, kelebihan dan kebaikan produk itu adalah tidak mengandungi kolesterol, penghasilan secara halal dan harga lebih murah.

Ia juga berupaya meningkatkan penggunaan minyak sawit dalam produk makanan sekali gus mengurangkan pengimportan keju dari luar negara selaras dasar mengurangkan import dan menjimatkan tukaran wang asing.

Pada masa ini, tidak ramai pengusaha menghasilkan keju di Malaysia. Import keju dan dadih Malaysia pada 2010 ialah RM180 juta yang diperolehi dari negara pengeluar hasil tenusu seperti New Zealand, Australia dan Amerika Syarikat.

Di samping itu, MPOB turut memenangi dua pingat gangsa, iaitu melalui teknologi 'Palm Protinuous Composition (PPC) From Palm Kernel' oleh Mohd Firdaus Othman dan HiLECT- Palm Base Insulating Fluid oleh Noor Khairin Mohd.

MPOB juga memenangi tempat ketiga pertandingan booth pameran terbaik bagi kategori Shell Scheme.



Oleh Ainul Hani Abu Bakar
ainul.hani@mopb.gov.my

Pengeluaran MSM Januari 2011 turun 14.2 peratus

Kejatuhan hasil pengeluaran Buah Tandan Segar punca penurunan

PENGELUARAN minyak sawit mentah (MSM) Malaysia Januari 2011 adalah sebanyak 1,057,961 tan, merosot 174,791 tan atau 14.2 peratus berbanding bulan sebelumnya.

Kemerosotan pengeluaran disebabkan kejatuhan hasil pengeluaran Buah Tandan Segar (BTS) sebanyak 14.2 peratus kepada 1.15 tan sehektar kesan lebih hujan di kawasan pengeluar utama sawit menyebabkan BTS tidak dapat dituai dan BTS dituai tidak dapat dihantar ke kilang.

Selain itu, Kadar Perahan Minyak (OER) merosot 2.9 peratus kepada 19.7 peratus kesan daripada cuaca turut mendorong kemerosotan pengeluaran MSM. Pengeluaran rendah bulan ini juga selari dengan musim aliran menu-run yang kebiasaannya berlaku pada bulan November hingga Februari.

Sembilan negeri mencatat penurunan dan tiga negeri mencatat peningkatan pengeluaran MSM. Kemerosotan dicatat pada bulan itu adalah di antara 1.9 peratus dan 33.7 peratus.

Dari segi kuantiti pula, pengeluaran MSM menurun di antara 165 tan dan 76,502 tan. Sabah mencatat kejatuhan terbesar sebanyak 76,502 tan, diikuti Pahang, Sarawak, Johor dan Terengganu masing-masing

sejumlah sebanyak 37,286; 23,899; 16,551 dan 12,441 tan.

Pengeluaran MSM Semenanjung bulan berkenaan ialah 572,795 tan, merosot 74,390 tan atau 11.5 peratus berbanding bulan sebelumnya. Pengeluaran Sabah 324,374 tan, kurang 76,502 tan atau 19.1 peratus manakala Sarawak adalah 160,792 tan, merosot 23,899 tan atau 12.9 peratus.

Eksport minyak sawit juga me-

rosot sebanyak 80,401 tan atau 6.2 peratus kepada 1,210,806 tan berbanding 1,291,207 tan pada Disember 2010. Kemerosotan dalam jumlah eksport minyak sawit pada bulan ini adalah disebabkan oleh pengurangan belian oleh negara seperti Ukraine, Amerika Syarikat, Republik Rakyat China, Pakistan, Iran, India, dan Vietnam.

Harga pasaran MSM dan isirung sawit tempatan masing-masing

INFO	2010 Januari	2010 Disember	2011 Januari	Beza (%)
PENGELUARAN (Tan)				
Minyak Sawit Mentah	1,321,244	1,232,752	1,057,961	-14.2
Isirung Sawit	343,160	303,132	266,447	-12.1
Minyak Isirung Sawit	172,758	152,981	126,945	-7.0
EKSPORT (Tan)				
Minyak Sawit	1,461,796	1,291,207	1,210,806	-6.2
Minyak Isirung Sawit	103,145	106,839	63,692	-40.4
STOK AKHIR (Tan)				
Minyak Sawit	2,004,006	1,615,618	1,418,980	-12.2
Isirung Sawit	98,104	92,932	88,042	-5.3
Minyak Isirung Sawit	282,874	241,228	218,369	-9.5
IMPORT (Tan)				
Minyak Sawit	155,803	121,272	164,938	36.0
HARGA (RM/Tan)				
Buah Tandan Segar (1% OER)	26.11	40.98	43.50	6.1
Minyak Sawit Mentah (Hantaran Tempatan)	2,517.50	3,629.50	3,772.00	3.9
Isirung Sawit (Di pintu Kilang)	1,359.50	2,746.00	3,174.00	15.6
KADAR PERAHAN MINYAK SAWIT MENTAH (OER)(%)				
Malaysia	20.49	20.28	19.70	-2.9
Sem. Malaysia	20.01	19.83	19.28	-2.8
Sabah	20.97	21.01	20.25	-3.6
Sarawak	21.24	20.37	20.12	-1.2
HASIL (Tan/Hektar)				
Buah Tandan Segar	1.44	1.34	1.15	-14.2
Minyak Sawit Mentah	0.30	0.27	0.23	-14.8

meningkat sebanyak RM142.50 kepada RM3,772.00 dan R428.00 kepada RM3,174.00, berbanding bulan sebelumnya.

Kenaikan ini adalah disebabkan oleh sentimen bekalan minyak sawit yang meruncing ditambah pula

dengan kekukuhan harga minyak sayuran dunia.

Harga BTS pada kadar perahan (OER) 1 peratus meningkat RM2.52 atau 6.2 peratus kepada RM43.50 berbanding bulan sebelumnya.

Oleh Azran Jaffar
azran@bharian.com.my

Euro Oils hanya berurus niaga buah sawit masak

SEBAGAI peniaga buah sawit, beliau memang dikenali di kalangan pekebun kecil sekitar Yong Peng dan daerah berhampiran seperti Air Hitam dan Kluang.

Ini kerana, beliau adalah orang yang bertanggungjawab memasarkan buah sawit pekebun kecil berkenaan yang kebanyakan memiliki keluasan antara satu hingga empat hektar.

Namun kini, Pengarah Urusan Euro Oils (M) Sdn Bhd, Lim Kee Sem, turut bertindak sebagai ejen penerangan dalam memastikan pekebun kecil hanya membekalkan buah berkualiti kepada beliau iaitu buah yang sudah masak dan bukannya buah muda.

"Saya tidak boleh berkompromi dalam soal ini kerana jika mereka berikan saya buah muda, saya tidak ada pilihan sama ada memusnahkannya atau memulangkan semula kepada mereka.

"Tindakan ini bukan kerana suka-suka, tetapi bagi menjaga kualiti... sebagai peraih saya perlu mematuhi syarat lesen ditetapkan MPOB supaya tidak berurusniaga buah sawit muda," kata Lim ketika ditemui di premis niaganya di Yong Peng, Johor, baru-baru ini.

Beliau yang memulakan perniagaan itu pada tahun 1989 memegang lesen MPOB bagi membeli, menyimpan serta menjual buah sawit dan berurusniaga dengan kira-kira 100 pekebun kecil sawit.

Sewaktu mula-mula menjalankan perniagaan ini, urus niaga Lim adalah sekitar 500 tan sebulan dan kini ia meningkat kepada antara



LIM Kee Sem mengarah pekerja supaya mengasing tandan buah sawit muda yang akan dipulangkan kepada pembekalnya selepas melakukan pengredan.

3,000 hingga 4,000 tan sebulan.

Bagi memastikan pekebun kecil mematuhi standard ditetapkan beliau berusaha memberi penerangan kepada mereka akan perkara itu dan mengapa beliau terpaksa tidak menerima buah muda yang mereka hantar.

"Marah?... memang ada yang tak suka tapi saya tidak ada pilihan... jika saya ambil juga saya akan rugi kerana pihak kilang kelapa sawit tidak akan menerima buah sebegini," katanya.

Penggredan dilakukan sebaik buah tiba di premis Lim dan sewaktu temubual ini dilakukan sebuah lori yang baru sampai dikesan mengandungi kira-kira 20 tandan buah muda dan Lim memberitahu pekerja yang mengangkut buah berkenaan supaya terus mengingatkan pekebun supaya mengelakkan perkara itu.

Lim serius dalam hal ini dan untuk itu beliau turun padang untuk memberitahu pekebun mengenai standard berkenaan dan sejak dua

bulan kebelakangan ini beliau semakin kerap berjumpa pekebun bagi memberikan nasihat.

"Walaupun ramai yang sudah faham mengenai standard ini tetapi ia bukan 100 peratus, hanya sekitar 90 peratus dan kerana itu kita lihat ada yang masih mengait buah muda... siapa yang rugi?" soalnya.

Lim berkata, di kalangan pekebun kecil mereka mengait buah dua kali sebulan dan untuk membantu pekebun dari segi pendapatan ada kalanya Lim memberikan bayaran

“Saya tidak boleh berkompromi dalam soal ini kerana jika mereka berikan saya buah muda, saya tidak ada pilihan sama ada memusnahkannya atau memulangkan semula kepada mereka”

Lim Kee Sem

Pengarah Urusan Euro Oils (M) Sdn Bhd

pendahuluan dan akan dipotong apabila penghantaran buah dilakukan.

"Ia adalah untuk menjaga hubungan memandangkan pendapatan pekebun kecil tidak tetap ditambah dengan luas kebun yang tidak seberapa," katanya.

Mengenai harga pula, Lim berkata, dia menggunakan harga panduan yang dikeluarkan MPOB.

Dari segi operasi pula, Lim menjelaskan, buah dihantar dua kali sehari ke kilang bagi memastikan pihak kilang menerima buah yang baik.

"Saya pastikan, bermula dari proses mengangkut buah dari kebun ke tempat pengumpulan seterusnya penggredan dan di hantar ke kilang ia berjalan dalam masa 24 jam bagi memastikan kualiti buah tidak terjejas," katanya.

Fancy Power sasar jual 9,220 unit CANTAS tahun ini

CANTAS bantu kurangkan penggunaan pekerja terutama pekerja asing

Oleh Siti Nurazlinee Azmi
sitinurazlinee@bharian.com.my

SEBANYAK 9,200 unit mesin penuai buah sawit bermotor atau dikenali sebagai Cantas disasarkan penjualannya bagi 2011 oleh Fancy Power Sdn Bhd (Fancy Power), pemegang lesen pengeluar dan pemarkas teknologi hasil penyelidikan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB).

Pengarah Urusannya, Kam Pau Siong, ketika ditemui baru-baru ini berkata, selepas melancarkan Cantas Mark III awal tahun lalu, sebanyak 466 unit cantas berjaya dijual sepanjang tahun 2010 dengan harga RM2,500 setiap unit.

Beliau menambah, kejayaan itu menunjukkan permintaan terhadap teknologi baru dalam bidang penuaian hasil buah sawit mendapat perhatian terutama dari sudut meningkatkan kecekapan dan produktiviti industri sawit negara.

Malah katanya, Cantas turut mendapat perhatian di benua Amerika Latin khususnya di Republik Costa Rica yang mempunyai ladang kelapa sawit dan tahun lalu Fancy Power berjaya menjual 26 unit Cantas di sebuah ladang kelapa sawit di Costa Rica.

"Mereka melihat Malaysia sebagai negara model industri minyak



KAM Pau Siong (kiri) bersama peralatan CANTAS yang sedia untuk dijual.

sawit dan peluang ini dimanfaatkan Fancy Power untuk memasarkan produk bagi meningkatkan prestasi, pada masa sama menembusi pasaran cantas ke luar negara.

"Tahun ini saja, syarikat menerima banyak permintaan dari negara yang menanam sawit. Syarikat sentiasa mencari strategi bagi memperkenalkan cantas kepada negara luar. Dengan cara ini, negara berjaya menambah satu lagi produk untuk eksport, sekali gus berupaya meningkatkan pendapatan negara," katanya.

Kam berkata, walaupun pada awal kewujudannya Cantas sukar diterima penanam dan pekebun kecil berikutan takut peningkatan kos tetapi semua itu sudah diketepikan.

Beliau berkata, ramai penanam dan pekebun kecil sawit yang berani ke hadapan dan menggunakan teknologi moden ini menyatakan bekerja dengan menggunakan Cantas sememangnya membuahkan hasil selain meningkatkan kos pengambilan pekerja asing.

Katanya, strategi Fancy Power mempergiatkan promosi cantas tahun ini adalah menerusi pameran, iklan di laman web dan majalah bagi memasarkan lebih banyak Cantas sama ada dalam atau luar negara khususnya negara yang mempunyai tanaman sawit," katanya.

"Cantas atau penuai buah sawit bermotor adalah satu kaedah moden yang memudahkan aktiviti penuaian tandan buah dan pemotongan pelepah sawit yang mampu meningkatkan produktiviti pekerja," katanya.

Malah dengan menggunakan teknologi moden ini, pemilik ladang berupaya mengurangkan bilangan pekerja asing untuk menjalankan aktiviti pertanian. Melalui penggunaan cantas, seorang pekerja mampu menuai 1,200 tandan sehari berbanding 100 tandan sekiranya menggunakan kaedah lama.

Kam berkata, bagi memperluas penggunaan Cantas, syarikatnya turut memasarkan cantas melalui Skim Diskaun Cantas (SKIDIC) kepada pekebun kecil sawit dengan kadar diskaun RM1,000 bagi setiap unit.

SKIDIC adalah skim diskaun yang diperkenalkan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) bagi menggalakkan pekebun kecil membeli dan meng-

INFO

- Ciri utama Cantas :
 - Mudah dikendalikan
 - Tahan lasak.
- Faedah penggunaan Cantas :
 - Meningkatkan kecekapan penuaian
 - Meningkatkan produktiviti kerja
 - Meningkatkan pendapatan syarikat perladangan dan pekebun kecil
 - Mengurangkan keperluan tenaga kerja
- Spesifikasi:
 - Enjin: FP enjin teknologi Jepun
 - Kuasa: 1.3 kuasa kuda
 - Kelajuan Enjin Maksima : 10.500rpm
 - Kelajuan Kerja: 3,000 - 5,000 rpm
 - Kapasiti minyak: 440 cm3
 - Panjang Maksima: 3.6 m (teleskopik)
 - Berat: 8kg

gunakan teknologi ini dan seterusnya berupaya meningkatkan kecekapan dan produktiviti.

"Untuk tahun ini, Fancy Power menasarkan sejumlah 3,000 unit cantas akan dijual kepada pekebun kecil sawit melalui SKIDIC dan syarikat bersedia dan mempunyai stok peralatan yang mencukupi untuk tujuan itu.

"Perkhidmatan penyenggaraan selepas jualan seperti membaiki kerosakan dan melakukan servis pada peralatan itu juga disediakan. Pembeli tidak perlu khuatir kerana syarikat ini mempunyai cukup pekerja terutama mekanik untuk melakukan tugas itu," katanya.

Tambah beliau, pada masa ini Fancy Power mempunyai 13 ejen dan akan menambah lagi bilangan di seluruh negara bagi kemudahan pengguna.

PLASMA Keratong terima 100 pelatih pertama KOML

Oleh Mohd Solah Deraman
solah@mpob.gov.my

PUSAT Latihan Sawit Malaysia (PLASMA) yang kini beroperasi di Keratong, Pahang, menerima kumpulan pertama 100 pelatih Kursus Operator Mekanisasi Ladang (KOML) pada 1 Mac lalu, selepas bangunan pusat berkenaan bernilai RM36 juta siap dibina.

KOML sebelum ini beroperasi di kampus sementara di Pusat Penjenteraan Ladang MPOB, Bangi, Selangor. Sesi pertama pengajian di pusat itu bermula pada tahun 2006 dengan penyertaan 8 orang pelatih dan kini selepas 10 sesi, seramai 320 pelatih sudah menamatkan pengajian.

KOML Tahap 2 yang diperkenalkan pada tahun lalu membuat pengambilan pertama pada bulan Mac dengan 10 pelatih dan pada sesi September 2010 bertambah kepada 14 orang.

Silabus pembelajaran yang digunakan adalah mengikut NOSS (National Occupational Skill Stan-

dard) yang diiktiraf Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) Kementerian Sumber Manusia bagi mengendalikan latihan kemahiran dan melayakkan pelatih mendapat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM).

KOML juga adalah salah satu kursus di bawah anjuran dan kelolaan Institute of Malaysian Plantation and Commodities (IMPAC) Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK).

Penubuhan PLASMA Keratong selaras keperluan meningkatkan hasil pengeluaran melalui penggunaan mekanisasi dan automasi ladang dalam industri komoditi utama negara termasuk sawit.

Sektor Perladangan dan Komoditi di Malaysia masih lagi bergantung kepada tenaga buruh terutama buruh asing. Berdasarkan laporan 2009, terdapat 502,229 guna tenaga di ladang sawit dan daripada jumlah itu, lebih dua pertiga adalah buruh asing.

Bagi mengatasi masalah itu dan menggalakkan warga tempatan be-

kerja di sektor perladangan, KPPK memperuntukkan RM30 juta melalui Rancangan Malaysia ke Sembilan (RMKe-9) untuk membina sebuah kompleks latihan di tanah milik MPOB di Stesen MPOB Keratong, Pahang.

Kompleks dikenali Pusat Latihan Sawit Malaysia (PLASMA) menempatkan blok pentadbiran, blok akademik, dewan serba guna, blok penginapan peserta kursus, kafe-teria dan kedai, blok mekanisasi A dan B, stor mesin dan peralatan, kuarters kakitangan kelas G dan C serta blok surau.

PLASMA adalah kampus berpusat bagi memberi latihan berkaitan industri sawit dan sebagai kampus induk KOML dalam memberi latihan teori dan 'hands on' kepada warga tempatan berkaitan mekanisasi ladang.

Bermula Sesi ke-10 ini, KOML akan beroperasi sepenuhnya di kampus tetap itu dengan jumlah pelatih akan ditambah kepada 100 orang bagi setiap sesi dengan Tahap 1 dan Tahap 2 masing-masing 60 dan 40 pelatih.



SKIM DISKAUN CANTAS

Untuk setiap unit pembelian pemotong sawit bermotor (Cantas)

KEGUNAAN CANTAS

Untuk menuai tandan dan memotong pelepah sawit serta terbukti amat berkesan meningkatkan keberkesanan penuaian.

REBAIKAN CANTAS

- Pantas - masa bekerja yang cepat, dapat menuai lebih banyak tandan sawit dan boleh melakukan kerja-kerja lain serentak
- Jimat tenaga - tidak melelahkan dan dapat memanjangkan masa bekerja
- Mudah - mampu dikendalikan oleh wanita dan warga emas
- Bergaya - boleh menarik minat anak muda untuk bekerja di ladang sawit
- Meningkatkan produktiviti penuaian
- Meningkatkan pendapatan bagi yang mengambil upah persendirian
- Boleh menjadi kontraktor mengambil upah manual di kebun orang lain

JIJAT RM1000!!!

SIAPA YANG LAYAK?

1. Warganegara Malaysia atau pemastautin tetap (PR)
2. Individu/entiti yang menuai kebun sawit milik pekebun-pekebun kecil dengan jumlah keluasan lebih daripada 50 hektar* atau lebih atau keluasan yang munasabah bergantung kepada persikatan, lokasi dan topografi atau lain-lain sebab yang dipuak oleh MPOB
3. Kelengkapan alat tuai pokok sawit tidak melebihi 3 meter (10 kaki) menggunakan Cantas.
4. Lal-lal yang dituai mempunyai lesen MPOB (kecuali peserta rancangan teresunt)

** Terkini : Bagi pekebun kecil persendirian yang menuai kebun sendiri, minimum keluasan penuaian adalah 2ha

BAGAIMANA MEMOHON?
Permohonan melalui borang boleh dibuat melalui Pegawai TUNAS di kawasan anda

UNTUK KETERANGAN LANJUT, SILA HUBUNGI
Sheilyza Mohd Ishak (Tel: 03-8769 4549/012-695 8207)
Norul Asikin Ab Rahim (Tel: 03-87694549/017-302 7232)

TUNGGU APA LAGI?!! SIAPA CEPAT DIA DAPAT

Oleh Haryani Ngah
ngah@harian.com.my

Ladang West amal penuaian secara sistematik

Keharmonian pekerja, kemudahan lengkap rahsia menang Anugerah Industri Sawit Malaysia 2009/2010

JIKA sebelum ini Pulau Carey lebih dikenali sebagai penempatan Orang Asli suku kaum Mahmeri tetapi lokasi itu kini terkenal dengan perladangan sawit milik Sime Darby Plantation Sdn Bhd, sebuah syarikat perladangan terbesar di Malaysia.

Menyusuri Pulau Carey, mata pasti tidak akan lepas daripada melihat kehijauan pokok sawit di kiri kanan jalan yang diurus dengan baik.

Satu daripada ladang, milik syarikat perladangan itu adalah Ladang West, pemenang Anugerah Industri Sawit Malaysia 2009/2010 bagi kategori Ladang berkeluasan lebih 4,000 hektar di Semenanjung.

Dengan keluasan 5,808.82 hektar, sawit adalah tanaman tunggal bagi ladang itu di mana 4,005.4 hektar dipenalti pokok sawit matang, manakala 1,811.40 hektar adalah pokok yang belum matang.

Berdasarkan laporan pengeluaran hasil bagi tahun 2009/2010 hasil buah tandan segar sehektar yang diperolehi adalah 28.9 tan. Site Yield Potential ialah 29 tan dan kadar perahan minyak diperolehi adalah sebanyak 21.5 peratus.

Pengurus Kanan Ladang West, Mohammad Taib Lebai Abu, berkata kejayaan ladang itu adalah hasil kerjasama sepasukan pengurusan dan pekerja yang berpegang kepada moto Membangun Masa Depan yang Mapan.

"Ladang ini dikendalikan mengikut Amalan Mapan dan mengamalkan amalan pertanian baik (GAP), Codes of Practice dan turut dianugerahkan sijil Meja Bulat Minyak Sawit Lestari (RSPO) pada 19 Mei 2010.

"Ladang West dihebah kepada lima divisyen yang mana setiap divisyen diketuai Pengurus dan ladang ini memiliki 525 pekerja termasuklah pekerja asing," katanya.

Menurut Mohammad Taib, untuk mendapat jumlah hasil yang tinggi dan berkualiti, Ladang West mengamalkan sistem menuai Buah Tandansegar (BTS) yang dijalankan berdasarkan sistem CIRZ. Menerusi sistem ini setiap pekerja menjalankan tugas secara spesifik iaitu dua orang bertugas menuai buah, seorang menyusun polepah daun dan menyusun tandan manakala tugas mengutip buah relai dilakukan dua orang.

Disamping itu, Ladang West juga mengamalkan sistem mekanisasi untuk operasi pengeluaran buah tandan segar dari ladang dengan menggunakan traktor mini dan 'grabber'.

Penanda aras kemassakan tandan buah sawit yang diamalkan bagi penuaian adalah sebiji buah relai gugur yang ditemui di kelilingi pokok yang bermakna tandan buah sawit dituai ketika itu mampu menghasilkan kadar perahan minyak (OER) yang tinggi dan minyak sawit berkualiti.

Selain itu buah relai dikutip satu persatu bagi memastikan perolehan OER yang tinggi dan kualiti minyak yang dihasilkan terjamin dan berkualiti. Buah yang dituai dihantar ke kilang mengguna 'bin' dalam masa 24 jam dan proses penuaian dijalankan dua setengah hingga tiga pusingan sebulan.

"Bagi aktiviti pembajaan pula, purata setiap pokok adalah antara 8 hingga 10 kilogram baja setahun.

"Kami berusaha mengoptimalkan penggunaan baja organik dalam



PENGURUS Kanan Ladang West, Mohamad Taib Lebai Abu (enam dari kiri) Berongkar bersama kakitangan ladang di depan pejabat ladang berkenaan bersama anugerah yang diterima.



“Kami berusaha mengoptimalkan penggunaan baja organik dalam aktiviti pembajaan dan bagi mencapai matlamat itu tandan buah kosong digunakan sebagai sungkupan di antara pokok supaya ia dapat dijadikan baja secara semula jadi sekali gus dapat mencapai matlamat untuk menjaga alam sekitar”

Mohammad Taib Lebai Abu
Pengurus Kanan Ladang West

aktiviti pembajaan dan bagi mencapai matlamat itu tandan buah kosong digunakan sebagai sungkupan di antara pokok supaya ia dapat dijadikan baja secara semula jadi sekali gus dapat mencapai matlamat untuk menjaga alam sekitar," katanya.

Usaha menjaga alam sekitar itu juga selari dengan moto Sime Darby iaitu Membangun Masa Depan yang Mapan.

Sehubungan itu kawalan penyakit dan serangga perosak secara integrasi melalui kaedah biologi turut dilaksanakan bagi mengurangkan penggunaan bahan kimia seperti penggunaan burung hantu dan tanaman bermanfaat.

Burung hantu membantu ladang ini dalam mengawal tikus.

Sehubungan itu, Ladang West menyediakan banyak rumah burung hantu bagi menggalakkan burung membiak dan meningkatkan populasinya di ladang itu.

Penanaman pokok bermanfaat dari jenis Euphorbia heterophylla, Antigonon leptopus, Cassia cobanensis dan Turnera subulata dilakukan bagi tujuan membiak serangga pemangsa bagi kawalan serangga perosak sawit seperti ulat bungkus yang memakan daun sawit.

Menerusi tanaman pokok ini dapat menarik serangga pemangsa untuk mendapatkan glukos dari madunya dan memperoleh protin dari ulat bungkus yang boleh menyebabkan



MOHAMMAD Taib memeriksa tandan buah sawit yang baru dituai.

ulat bungkus mati.

Selain itu, pengurusan air yang cekap juga membantu kepada kesuburan pokok sawit dan ladang itu berupaya menyimpan air secukupnya bagi mengelak berlaku kekeringan terutama musim kemarau.

Sebagai sebuah syarikat perladangan terkemuka, Sime Darby menjaga kebajikan pekerjaannya dan di Ladang West setiap pekerja disediakan kemudahan perumahan lengkap dengan kemudahan asas.

Kemudahan pekerja untuk menunaikan ibadat mengikut agama masing-masing diberi perhatian dan untuk tujuan itu pengurusan ladang menyediakan surau, kuil dan gereja.

Pendidikan anak pekerja juga tidak diabaikan dengan adanya sekolah dari peringkat prasekolah sehingga sekolah menengah.

Bagi menjaga kesihatan, klinik kesihatan juga disediakan di samping balai polis dan pejabat pos.

Suasana bekerja di Ladang West yang harmoni adalah resipi utama yang ladang berkenaan berjaya memupuk perasaan saling bekerjasama dan amanah dalam melaksanakan tugas mereka yang wajar dicontohi ladang lain.

Sikap itu lahir menerusi nilai dan amalan yang dipegang Sime Darby iaitu Saling Menghormati dan Bertanggungjawab, Berdaya Usaha, Kecemerlangan dan Integriti.



PEKERJA Ladang West mengait buah sawit masak bagi memastikan hasil berkualiti.



Oleh Azran Jaffar
azran@bharian.com.my

Kerjasama ladang tingkat OER kilang sawit Pamol

Pencapaian 23.4 peratus OER adalah tertinggi di Semenanjung Malaysia

JIKA ditanya rahsia kami apakah resipi digunakan bagi kejayaan meningkatkan Kadar Perahan Minyak (OER) kilang sawit, tidak ada yang istimewa, apa yang penting adalah kerjasama antara pihak pengurusan ladang dengan pengurusan kilang bagi memastikan produk akhir kami berkualiti.

"Kerja adalah secara berpasukan dan jangan sala-menyalah," itulah jawapan yang diberikan pihak pengurusan Pamol Kluang Palm Oil Mill (Pamol Kluang) milik Kumpulan IOI terhadap kejayaan mereka dalam memastikan peningkatan OER dan kualiti minyak sawit dapat dikekalkan.

Dengan aktiviti penggredan buah dilakukan mulai di peringkat ladang, Pamol Kluang berupaya memastikan buah sawit yang dihantar ke kilang untuk diproses adalah yang benar-benar berkualiti.

Untuk itu, bagi tempoh Julai 2009 hingga Jun 2010, mereka berjaya mencapai OER sebanyak 23.4 peratus dan KER 5.07 peratus sementara untuk tempoh Julai 2010 hingga Januari 2011, mereka berjaya mencapai OER 23.01 peratus dan KER 5.41 peratus.

Pengurus Pamol Kluang, Chai Tian Siang, berkata bagi tahun kewangan 2011 sasaran pihaknya adalah OER sebanyak 23.5 peratus.

Pamol Kluang menerima buah sawit dari enam ladang milik Kumpulan IOI untuk diproses iaitu Pamol Barat dan Timur, Mamor, Unijaya, Swee Lam dan Kahang dengan keluasan 11,200 hektar.

Chai berkata, oleh kerana bekalan buah sawit di kalangan dari ladang syarikat kumpulan sama, jadi pengurusan menjadi mudah dan proses memastikan hanya buah sawit berkualiti yang sampai ke kilang dapat dilaksanakan.

Atas prestasi yang ditunjukkan itu Pamol Kluang dipilih menerima Anugerah Industri Sawit Malaysia 2009/2010 bagi kategori Peningkatan OER Tertinggi untuk bekalan buah sawit sendiri daripada Lem-



CHAI Tian Siang (kanan) bersama kakitangannya memperlihatkan trofi dan sijil penghargaan bagi kategori Anugerah Kilang yang mencapai OER tertinggi bagi bekalan buah sawit dari ladang sendiri.

baga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) pada majlis yang diadakan pada Disember lalu.

Chai berkata, bagi memastikan hanya buah sawit yang masak dan berkualiti dituai, insentif dalam bentuk kewangan diberikan kepada penuai.

Insentif diberikan secara berkumpulan dan individu yang mana prestasi dan pencapaian setiap pekerja direkodkan untuk memudah-

kan pihak pengurusan memberikan insentif.

Buah yang sudah masak dikenal pasti dengan penuai perlu melihat ke tanah yang mana jika buah lerai yang gugur adalah sebanyak tiga biji, bermakna tandan buah itu sudah boleh dituai.

Setiap pokok diulang sebanyak tiga pusingan setiap bulan untuk kerja penuaian buah yang bermakna satu pusingan penuaian setiap

dalam tempoh sepuluh hari.

Rasional kepada kaedah ini kata Chai adalah, katakan penuai terlepas satu pokok itu pada satu-satu pusingan, kualiti buah masih dapat dijamin kerana tempoh berikut adalah sekitar 20 hari.

Berbanding jika pusingan tuaian sebanyak 15 hari ia memakan masa 30 hari jika terlepas dan ini akan memberi kesan kepada kualiti buah. Sepuluh hari juga bermakna pekerja dapat bekerja lebih pantas.

Tempoh pusingan yang lebih lama bermakna tahap kemasakan buah akan menjadi terlebih masak dan ini tidak akan menghasilkan minyak berkualiti. Pusingan lebih lama juga bermakna lebih banyak buah lerai akan gugur dan dalam keadaan ladang ada masanya menghadapi kekurangan buruh, kerja mengutip buah lerai akan menimbulkan masalah.

Kalau lambat juga bermakna 40 peratus daripada masa untuk kerja penuaian digunakan untuk mengutip buah lerai dan ini tidak dianggap sebagai sesuatu yang baik dari segi kualiti masa.

Chai berkata, bagi pihak pengurusan di kilang, kalau di pihak ladang membekalkan buah sawit yang baik, proses di kilang juga akan menjadi baik, dan ini ditekankan dalam memastikan kerjasama antara ladang dengan kilang.

Proses penuaian tandan buah sawit akan dilakukan pada sebelah pagi oleh pihak ladang dan dihantar ke kilang pada sebelah tengah



“Bagi memastikan hanya buah sawit yang masak dan berkualiti dituai, insentif dalam bentuk kewangan diberikan kepada penuai.”

Chai Tian Siang
Pengerusi Pamol Kluang

hari. Setelah dilakukan penggredan, kilang akan mula memproses buah berkenaan pada sebelah petang hari yang sama bagi menghasilkan minyak sawit dan keseluruhan proses ini selesai dalam tempoh sehari.

Kilang Sawit Pamol beroperasi dengan polisi buah akan diproses dalam tempoh 24 jam selepas dipetik dan untuk itu walaupun buah datang agak lewat petang ke kilang ia akan tetap menjalani proses sepatutnya.

Pihak pengurusan juga mengamalkan tiada kerja bertangguh di peringkat kilang dan buah tidak akan ditinggalkan di ladang. Buah lerai di peringkat ladang akan dibersihkan daripada habuk dengan segala kotoran sebelum dihantar ke kilang.

Kehadiran buah sawit di kilang dimulakan dengan proses menimbang yang kemudian melalui proses penggredan yang dilakukan enam pekerja dengan diawasi seorang penyelia.

Pemeriksaan dilakukan bagi setiap tandan dengan sekiranya ada buah yang belum cukup masak ia akan diketepikan.

Dengan jumlah pekerja seramai 135 orang termasuk empat di peringkat eksekutif, Pamol Kluang beroperasi dengan kapasiti 60 tan sejam.

Chai berkata, apa yang diperoleh Pamol Kluang juga disumbangkan oleh kualiti pokok sawit yang ditanam dengan anak benih digunakan adalah yang terbaik dari jenis DxP.



CHAI Tian Siang (tiga dari kiri) memerhati pekerjaannya melakukan penggredan tandan buah sawit sebelum membuat keputusan untuk diproses atau tidak.



DULLA bersama trofi anugerah dan sijil penghargaan industri sawit yang dimenangannya.

BUAH sawit dari kebun yang sedia untuk dihantar ke kilang sawit.

Oleh Amran Ariffin
amranariffin@mpob.gov.my

Dulla Basiron Pekebun Kecil Terbaik Sabah

Hasilkan 36 tan Buah Tandan Segar sehektar setahun

U SIA mencecah 62 tahun bu-
kan penghalang kepada pe-
kebun kecil sawit, Dulla Ba-
sirun, untuk berjaya menghasilkan
36 tan Buah Tandan Segar (BTS)
sehektar setahun dari kebunnya
yang seluas 7.29 hektar.

Pencapaian penghasilan BTS itu
adalah yang tertinggi di Negeri
Sabah sekali gus membolehkan be-
liau merangkul Anugerah Peke-
bun Kecil Terbaik Peringkat Ne-
geri Sabah pada majlis Anugerah
Industri Sawit Malaysia 2009/2010
di Kuala Lumpur, baru baru ini.

Sebelum ini beliau bekerja se-
bagai pengawal keselamatan pada
sebelah malam dan mengusaha-
kan kebun sawit pada sebelah pa-
gi. Pembabitan beliau dalam bi-
dang pertanian bermula seawal
tahun 1960 bermula dengan tana-
man getah yang diusahakan ba-
panya.

Selepas itu tanaman getah ber-
tukar kepada koko pada 1970. Apa-
bila mewarisi kebun berkenaan
daripada arwah bapanya, Dulla
membuat keputusan beralih ke ta-
naman sawit selepas menerima na-
sihat daripada rakan. Keputusan
menanam sawit pada 1999 nyata
memberikan hasil yang lumayan.
Kebun itu terletak di Kampung
Merotai Besar, 30 kilometer dari
bandar Tawau.

Dalam mengusahakan kebun sa-
wit itu, Dulla bekerjasama dengan
Pegawai TUNAS MPOB, Jabatan
Pertanian Daerah dan Pertubuhan
Peladang Kawasan (PPK) untuk
memelajari amalan pertanian
baik. Beliau juga mengikuti kursus
dan latihan yang dianjurkan pelbagai
agensi pembangunan.

Peringkat penyediaan tapak dan
penanaman adalah tahap yang
mencabar kerana memerlukan ma-
sa, pengorbanan dan pelaburan be-
sar. Oleh itu beliau berhati-hati ter-
hadap kerja yang dilaksanakan un-
tuk memastikan tiada kesilapan
berlaku. Kerja pembersihan kawa-
san terutamanya menebang, mem-



DULLA dan ternakan kambing yang diusahakan secara integrasi dengan tanaman sawit.

bakar dilaksanakan sendiri de-
ngan bantuan ahli keluarga. Pe-
laksanaan kerja dilakukan mengikut jadual.

Tanah di kebunnya adalah jenis
tanah liat sungai dengan bentuk
muka rata. Bahan tanaman digu-
nakan adalah DxP Guthrie dan
DxP Ulu Dusun Jabatan Pertanian
Sabah. Dua bahan itu dipilih ke-
rana beliau tidak mahu tersilap

kerana ia boleh mendatangkan ke-
san sepanjang hayat kepada pokok
sawit.

Barisan tanaman dibuat arah
utara selatan dengan jarak 9m x 9m
x 9m segi tiga. Ini untuk menjamin
pokok sawit menerima pancaran
matahari maksimum setiap hari.

Bagi memastikan pengeluaran
sawit yang tinggi, Dulla sentiasa
menitikberatkan aspek pembajaan.

Beliau menggunakan baja MPOB
F1 (10.0 : 5.4 : 16.2 : 2.7 : 0.5) tiga kali
setahun dengan kadar 3 kilogram
sepokok.

Program pembajaan dilaksana-
kan mengikut jadual dan mengam-
bil kira keadaan cuaca. Input per-
tanian dibeli secara tunai atau kre-
dit daripada pembekal.

Beliau mengawal rumpai di se-
keliling pokok bagi memudahkan

penuaian, pembajaan dan punga-
tan buah lerai. Rumpun lembut di-
biarkan untuk mengawal hakisan.

Penuaian BTS dilakukan setiap
12 hingga 15 hari iaitu dua pusingan
sebulan, dilaksanakan sendiri be-
liau. Hanya BTS yang cukup masak
saja dituai. Buah lerai dipungut dan
dihantar bersama buah tandan se-
gar ke kilang berhampiran.

Berkat usaha itu, beliau dianu-
gerahkan Petani Contoh 2006 (Ja-
batan Pertanian), Anugerah Pe-
ladang Jaya 2006 (Pertubuhan Pe-
ladang), Anugerah Industri 2005
Kategori Pekebun Kecil (persen-
dirian) Peringkat Negeri Sabah
dan Sarawak 2000 dan terbaru
Anugerah Industri Sawit Malay-
sia 2009/2010 bagi Kategori peke-
bun kecil Peringkat Negeri Sa-
bah.

Walaupun sibuk dengan aktiviti
di kebun, beliau tetap aktif dalam
aktiviti masyarakat kampung de-
ngan menganggotai RELA.

Selain itu, integrasi ternakan
kambing di kebun sawit turut di-
laksanakan Dulla untuk menam-
bah pendapatan disamping mengu-
rangkan kos merumpai. Pada masa
ini, MPOB dan TUNAS Tawau men-
jadikan kebun beliau sebagai ke-
bun contoh bagi program tunjuk
ajar kepada pekebun kecil kawa-
san Tawau dan kawasan berhampiran.

Program itu dilaksanakan setiap
bulan untuk meningkatkan penge-
tahuan pekebun kecil mengenai
teknik penjagaan sawit yang betul.
Setiap sesi bermula dengan cera-
mah dan akan diteruskan dengan
sesi tunjuk ajar di ladang.

Walaupun usia sudah lanjut, Dulla
terus mengusahakan tanaman
sawit dan baru-baru ini beliau
membangunkan 3 hektar kebun
sawit baru dan diusahakan secara
integrasi dengan tanaman pisang
dan halia. Bagi Dulla, selagi ada
kudrat beliau akan terus berusaha
selaras falsafah hidup beliau,
kejayaan bermula dari kegagalan,
selagi kita tidak berusaha
kejayaan tidak akan dapat kita ke-
capi.



Pendapatan industri sawit cecah RM60 bilion pada 2010

Jumlah meningkat lebih kurang RM10 bilion berbanding 2009



Sum



PENDAPATAN yang dihasilkan dari kenaikan harga minyak sawit menyumbang kepada peningkatan ekonomi bandar-bandar kecil dan kawasan pedalaman.

PENDAPATAN industri sawit Malaysia mencecah RM60 bilion pada tahun lalu, meningkat lebih kurang RM10 bilion berbanding dengan 2009. Kebanyakan syarikat perladangan mengaut keuntungan hampir dua kali ganda pada tiga bulan terakhir berbanding masa yang sama pada tahun sebelumnya.

Pendapatan yang dihasilkan dari kenaikan harga minyak sawit menyumbang kepada peningkatan ekonomi bandar-bandar kecil dan kawasan pedalaman. Jelasnya, penduduk di kawasan berkenaan yang paling beruntung dari hasil kenaikan harga minyak sawit, getah, koko dan juga lada yang menjadi komoditi utama dihasilkan di Malaysia.

komoditi yang lain terhadap ekonomi memberikan sumber pendapatan dan peluang-peluang pekerjaan yang tetap bagi rakyat Malaysia.

Upah penuai buah sawit atau penoreh getah adalah lebih kurang RM 100 sehari. Semua orang berhak untuk mendapatkan kehidupan yang lebih baik jika sudi bekerja di ladang sawit atau getah yang banyak memberi peluang pekerjaan.

Negara kita mempunyai kadar pekerjaan yang hampir 100%. Ini juga bermakna terdapat kekurangan tenaga kerja di negara ini, terutamanya di sektor perladangan.

Sebaliknya, penduduk luar bandar di banyak negara membangun lain hanya memperoleh pendapatan sebanyak RM6 sehari dari pekerjaan yang terhad atau bermusim. Makanan sering tidak terjamin, dan sejumlah, satu bilion penduduk di atas planet ini tidak mendapat jaminan makanan yang tetap setiap hari.

Di sinilah peluang-peluang pekerjaan yang ditawarkan oleh industri perladangan di Malaysia juga dapat dimanfaatkan oleh tenaga kerja dari negara-negara lain. Pendapatan yang diperolehi oleh 300,000 pekerja asing yang bekerja di dalam industri sawit Malaysia, menjamin makanan berada di atas meja setiap hari untuk hampir 1 juta ahli keluarga mereka yang berada di Indonesia, Bangladesh, Filipina dan negara-negara jiran lain yang sedang membangun.

Secara tidak langsung, industri sawit tidak hanya menyediakan pendapatan untuk rakyat Malaysia, tetapi juga memberi pendapatan kepada lebih satu juta pekerja asing dan ahli keluarga mereka yang kini tidak perlu lagi kelaparan dan secara tidak langsung menceriaikan lagi kehidupan mereka. Apakah industri lain boleh melakukan perkara yang serupa?

Manfaat dari pendapatan industri sawit seperti cukai korporat adalah lebih luas dan kesannya dapat dilihat dari perbelanjaan kerajaan ke atas pendidikan, kesihatan dan pembangunan infrastruktur. Harga makanan utama di negara ini adalah dikawal atau bersubsidi untuk orang awam; ini termasuklah harga minyak masak.

Cukai yang dikenakan oleh kerajaan kepada industri minyak sawit adalah dalam bentuk cukai keuntungan luar biasa (windfall tax) dan hasil cukai ini digunakan se-

bagai subsidi kepada harga minyak masak untuk membantu semua golongan masyarakat.

Ini jelas menunjukkan bahawa industri sawit menyediakan penyelesaian untuk pelbagai masalah: makanan yang mampu dibeli, pendapatan yang agak lumayan dan kestabilan negara (perlu diingat bahawa harga makanan yang tinggi dan kemiskinan telah menyebabkan pemberontakan di beberapa negara-negara membangun baru-baru ini).

Menyedari kepentingan industri sawit terhadap ekonomi negara, YAB Perdana Menteri baru-baru ini bercakap tentang pandangan sempit NGO-NGO alam sekitar dan pengikut-pengikut mereka untuk merosakkan imej minyak sawit dengan mengaitkannya dengan kemusnahan hutan. Tidak ada negara di kedudukan seperti Malaysia atau Indonesia yang mendapat manfaat dari industri minyak sawit akan berdiam diri terhadap tuduhan yang dibuat oleh NGO-NGO alam sekitar untuk menjatuhkan sawit.

Jika dilihat dari perspektif yang lebih luas, minyak sawit adalah penyelamat akibat dari kekurangan minyak dan lemak global kerana kekurangannya pengeluaran minyak kacang soya dan minyak biji sesawi. Ini adalah kerana kekurangan tanah menghalang pengembangan kawasan-kawasan tanaman baru dan keadaan cuaca yang tidak menentu yang mengakibatkan hasil tanaman tidak memuaskan.

Jurang antara bekalan dan penggunaan minyak dan lemak akan menjadi lebih luas pada masa akan datang. Pengguna akan berdepan dengan kenaikan harga. Kesannya akan dirasai oleh para pengguna dari negara-negara membangun yang berpendapatan rendah kerana mereka tidak akan mampu untuk menggunakan minyak kacang soya atau minyak biji sesawi yang mahal.

Tambahan pula, sebahagian besar daripada minyak tersebut dibakar di Kesatuan Eropah sebagai biodiesel, dan mengakibatkan kekurangannya sebagai sumber makanan.

Minyak sawit memainkan peranan penting di dalam membekalkan sumber minyak masak pada harga yang berpatutan kepada negara-negara membangun yang harus bergantung kepada bekalan import. NGO alam sekitar telah mempengaruhi Kesatuan Eropah untuk mendiskriminasi minyak sawit dari digunakan sebagai bahan api, untuk melindungi industri minyak biji sesawi tempatan dari persaingan dengan mengadakan halangan perdagangan melalui pelaksanaan peraturan RED.

Ini mengakibatkan bekalan minyak sawit tersedia untuk sektor makanan seluruh dunia. Oleh kerana kekurangan tidak dapat dielakkan, apa-apa jenis minyak sekalipun dapat digunakan untuk setiap sektor. Yang penting adalah peningkatan bekalan disesuaikan dengan permintaan yang diramalkan.

Oleh kerana sawit adalah tanaman yang paling mampu memenuhi permintaan yang terus meningkat, secara logik, pengeluarannya harus dipertingkatkan. Hasilnya yang tinggi (lebih 10 kali ganda dari minyak kacang soya), hanya memerlukan kawasan penanaman yang sepuluh kali lebih kecil untuk memenuhi keperluan dunia yang makin meningkat.

NGO alam sekitar mengancam keselamatan bekalan makanan dunia, tetapi pada masa yang sama mereka menggesa Kesatuan Eropah untuk menghasilkan biodiesel dari minyak biji sesawi yang tidak efisien. Di samping itu, mereka berkempen untuk menyekat pengeluaran minyak sawit, supaya tidak bersaing dengan minyak biji sesawi sebagai bahan asas bagi industri biodiesel di Kesatuan Eropah. Se-

cara tidak langsung, keputusan mereka untuk menyekat pertumbuhan sawit akan mengakibatkan kekurangan minyak dan lemak di pasaran dunia.

Walau bagaimanapun, pengeluaran minyak sawit sebaliknya akan memperoleh keuntungan dari kenaikan harga akibat dari kempen anti minyak sawit ciptaan NGO-NGO alam sekitar. Penggunaan pengguna lain, terutama dari negara-negara membangun, akan dibebani dengan harga makan yang meningkat dan harga minyak masak yang tinggi. Ini juga akan menjajakan peluang-peluang pekerjaan yang akan dihasilkan melalui pengembangan sektor sawit yang memerlukan ramai tenaga kerja berbanding dengan sektor minyak bijian lain.

Potensi negatif ini adalah ciptaan NGO alam sekitar yang berpandangan sempit. Tanpa alasan saintifik atau mempertimbangkan pandangan makro untuk keperluan dunia, mereka telah menentang perluasan penanaman sawit, dan bimbang akan persaingan minyak sawit dengan minyak biji sesawi untuk kegunaan biofuel di Kesatuan Eropah. Mereka menggunakan penebangan hutan sebagai alasan untuk berkempen melawan tanaman sawit tanpa sokongan saintifik.

Bagaimana tanaman sawit boleh disalahkan atas alasan penebangan hutan di Indonesia ketika negeri ini hanya menggunakan 5% dari keluasan negaranya untuk menanam sawit yang merupakan salah satu tanaman pertanian?

Sebagai perbandingan, UK telah meneroka 72% dari keluasan negaranya untuk tujuan pertanian.

Jika dibandingkan dengan jumlah kawasan pertanian dunia, tanaman sawit hanya mengambil seluas 0.33%. daripada jumlah kawasan kelapa sawit di Indonesia dan Malaysia bukan ditanam di atas tanah hutan kekal. Kedua-dua negara mempunyai kawasan hutan simpan yang besar yang memenuhi keperluan untuk memelihara bio kepelbagaian.

Setiap saintis atau bukan saintis tahu bahawa penggunaan 0.33% dari keluasan kawasan pertanian dunia untuk tanaman sawit, bukanlah deforestasi besar-besaran. Lebih dari 60 dan 80 peratus kawasan kelapa sawit di Indonesia dan Malaysia bukan ditanam di atas tanah hutan kekal. Kedua-dua negara mempunyai kawasan hutan simpan yang besar yang memenuhi keperluan untuk memelihara bio kepelbagaian.

Bagaimanakah kawasan yang sekecil ini dikaitkan dengan kehilangan habitat atau bio kepelbagaian, atau menjadi penyumbang terbesar gas-gas rumah hijau dan pemanasan global?

Saya terus mencabar NGO-NGO alam sekitar dan pengikut-pengikut fanatik mereka untuk memberikan bukti terhadap tuduhan-tuduhan ke atas industri sawit. Ini termasuk tuduhan rampasan tanah masyarakat peribumi. Biar saya jelaskan kenyataan yang tidak benar ini.

Masyarakat pribumi diberikan tanah simpan yang cukup oleh penjajah British semasa pemerintahan mereka. Kebanyakannya ditanam dengan getah atau sawit. Ramai yang berterima kasih kerana telah diberikan tanah dan menjadikan mereka pekebun kecil berjaya. Apa yang jelas, kita mempunyai undang-undang yang dapat menangani apa-apa masalah berkaitan tanah.

Pengguna di negara-negara membangun dan juga mereka di negara-negara maju harus berwaspada terhadap potensi ancaman terhadap ekonomi, bekalan makan yang berterusan, dan peningkatan harga makanan yang akan terjadi disebabkan oleh kempen anti-minyak sawit oleh NGO-NGO alam sekitar.

Adalah tidak bermoral menyokong NGO-NGO tersebut di dalam kempen mereka yang pada akhirnya akan membawa kesengsaraan dalam bentuk kekurangan makanan dan harga tinggi di seluruh dunia. Adalah lebih menghairankan kenapa Kesatuan Eropah menyumbang dana kepada para NGO alam sekitar untuk terus merampas hak pengguna-pengguna dari negara-negara membangun untuk mendapatkan bekalan makanan yang mencukupi di masa hadapan.

Artikel ini disunting dan diterjemahkan daripada artikel asal yang bertajuk, Palm Oil: How Greenies Threaten Jobs and Food Security. Sila layari www.ceopalmoil.com untuk mendapatkan salinan asal artikel ini

Industri makanan berasaskan minyak sawit di Malaysia mengalami perkembangan yang pesat dan permintaan yang semakin meningkat dari setahun ke setahun.

Kawasan tanaman sawit juga meningkat dari anggaran satu juta hektar ke dua juta hektar dalam tahun 1990 dan pada masa ini kawasan sawit semakin bertambah mencecah lebih 4.5 juta hektar. Ini adalah satu kejayaan yang membanggakan bagi Malaysia sebagai pengeluaran utama minyak sawit.

Kejayaan industri sawit adalah transformasi kepada ekonomi negara dalam bidang makanan yang menjadi sumber makanan utama di dunia. Sumber makanan sangat penting kepada manusia bagi memenuhi keperluan untuk menjalankan kehidupan harian yang sihat.

Di Malaysia 80 peratus minyak sawit yang dihasilkan digunakan sebagai bahan makanan manakala 20 peratus lagi digunakan dalam pembuatan produk bukannya makanan.

Antara faktor minyak sawit menjadi sumber makanan utama di dunia disebabkan oleh kegunaannya yang menghasilkan pelbagai produk untuk kepentingan dan manfaat kehidupan manusia.

Selain getah, kelapa sawit juga boleh dipelbagaikan menjadi 1500 jenis barangan dalam pengeluaran sesuatu produk seperti industri makanan dan sebagainya.

Sawit adalah tanaman yang penting kerana ia mampu menghasilkan sumber makanan yang pelbagai seperti minyak sawit, minyak isirung sawit dan dedak isirung sawit.

Produk ini boleh dijadikan bahan makanan utama kepada manusia seperti minyak masak, minyak sapi, ais krim, marjerin, lelemak dan sebagainya manakala dedak isirung pula dijadikan sebagai makanan haiwan ternakan seperti kambing dan lembu.

Antara kegunaan istimewa minyak sawit ialah sebagai bahan asas dalam pengeluaran ais krim, marjerin, krim dalam minuman, serta sebagai bahan alternatif dalam pembuatan ais krim dan marjerin walaupun lemak susu adalah bahan yang paling sesuai.

Minyak sawit antara sumber makanan utama dunia

Pemenang Pertama

Nur Afifah Binti Atan
(K/P: 940208-05-5044)
Sekolah Menengah Kebangsaan Syed Idrus, 73000 Tampin, Negeri Sembilan.

Penggunaan adunan minyak sawit dan minyak isirung sawit ini menghasilkan produk ais krim dan marjerin yang lembut, gebu serta tidak mudah rosak dan bahan krim dalam minuman juga sangat sesuai digunakan kerana tidak mudah mengalami oksigen serta mampu mengelakkan rasa tidak enak apabila diminum.

Selain itu, produk cilat dan konfeksi juga menjadi bahan pengganti lemak koko yang berasaskan minyak sawit pengganti lemak koko ini adalah lemak yang digunakan untuk menggantikan secara separa atau keseluruhan penggunaan lemak koko dalam pembuatan produk coklat. Melalui proses pemisahan, produk coklat berasaskan sawit mempunyai rasa yang hamper sama dengan produk lemak koko.

Hasil penyelidikan yang lain ialah serbuk santan yang berasaskan sawit memiliki nilai pemakanan yang baik kerana mengandungi kandungan lemak tepu yang rendah.

Santan adalah bahan yang penting untuk kegunaan manusia bagi menghasilkan makanan menjadi lebih lazat. Minyak sawit yang diadun dan diproses menggunakan proses sembur kering dapat menghasilkan bahan pengganti untuk serbuk santan kelapa.

Serbuk santan berasaskan minyak sawit ini menyerupai santan kelapa dari segi warna, bau, rupa dan rasanya. Bahan ini juga lebih tahan lama dan tidak

mudah basi serta dapat bertahan selama tiga bulan.

Di samping itu, lelemak sawit juga boleh digunakan sebagai lelemak istimewa bagi menggantikan lemak haiwan dalam pembuatan makanan berasaskan daging seperti burger, bebola daging dan ayam, sosej dan sebagainya. Lelemak sawit ini dirumus khas bagi menggantikan lemak mentah seperti kulit ayam dan lemak daging.

Seratus peratus keluaran lelemak sawit ini tidak menimbulkan pelbagai masalah malah menambahkan keenakan makanan segera ini. Produk ini juga tanpa kolestrol dan tidak mengalami mikrob makanan perosak malah makanan ini lebih bersih dan halal untuk pasaran ke luar negara.

Sawit mempunyai banyak kelebihan sebagai sumber makanan. Oleh yang demikian satu tindakan bijak perlu diambil bagi memaksimumkan pengeluaran makanan berasaskan sawit. Pelbagai kaedah perlu diambil dengan segera supaya hasil minyak sawit Malaysia terus diniagakan di pasaran dunia.

Secara amnya, setiap industri perlu meningkatkan pengeluaran makanan berasaskan sawit secara berterusan sebagai pengeksport makanan terbesar di dunia.

Kesimpulannya, hasil pendapatan daripada sawit membawa kesan penting dalam mengekalkan kestabilan sosioekonomi negara. Bagi memastikan industri minyak sawit terus berkembang secara meluas dan mempunyai daya persaingan yang sihat di pasaran antarabangsa, semua pihak yang terbahagi dalam penyelidikan dan pembangunan industri sawit perlu menghasilkan minyak sawit Malaysia yang bermutu tinggi serta menjadi bekalan makanan utama kepada penduduk dunia yang semakin bertambah.

PERADUAN MENGARANG ESEI BERITA SAWIT BULAN MAC 2011

PERADUAN ini terbuka kepada pelajar sekolah menengah di seluruh negara. Karangan adalah mengenai industri sawit negara dan antarabangsa dan ditulis tangan berpandukan tajuk yang diberikan di bawah:

TAJUK: Industri sawit dimasukkan di bawah NKEA. Bincangkan kebaikannya.

Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit terbuka kepada semua pelajar sekolah menengah Tingkatan Satu hingga Lima.

Tiga pemenang utama setiap bulan akan menerima:
Hadiah Pertama : RM250
Hadiah Kedua : RM200
Hadiah Ketiga : RM150

Esei yang berjaya mendapat tempat pertama akan disiarkan dalam Berita Sawit keluaran bulan April 2011 akan datang.

Syarat Penyertaan:

Terbuka kepada pelajar sekolah menengah Tingkatan Satu hingga Lima. Panjang esei di antara 450 - 600 patah perkataan.

Sila nyatakan nama penuh, alamat sekolah, alamat rumah, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan sertakan sekeping gambar berukuran pasport (sekiranya ada)

Keputusan juri adalah muktamad
Tarikh tutup penyertaan ialah pada 23 Mac 2011.

Hantarkan penyertaan ke alamat:

Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit
Ibu Pejabat MPOB
Peti Surat 10620
50720 Kuala Lumpur

u/p: Noor Asmawati Abdul Samad (Unit Perhubungan Awam)

Keputusan Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Bulan Februari 2011

Pemenang: Hadiah Pertama

Nur Afifah Atan
(No K/P: 940208-05-5044)
Sekolah Menengah Kebangsaan Syed Idrus, 73000 Tampin, Negeri Sembilan.

Hadiah Kedua

Fatin Najwa Nor Azman
(No K/P: 950727-01-5406)
Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Mamat, Jalan Payamas, 84900 Tangkak, Johor

Hadiah Ketiga

Azwar Syuhada Jamil
(No. K/P: 940302-10-5570)
Sekolah Menengah Kebangsaan Telok Panglima Garang, 42500 Selangor

KUIZ

KUIZ SAWIT SIRI 3



SYARAT PENYERTAAN

- Penyertaan dibuka kepada pelajar Sekolah Rendah Tahun 1 - 6
- Penyertaan hendaklah disertakan dengan borang dan ditandatangani oleh guru sekolah
- 10 pemenang yang menjawab dengan betul akan dipilih sebagai pemenang
- Sekiranya terdapat lebih 10 pemenang, Cabutan Bertuah akan dibuat oleh panel kuiz
- Keputusan pengadil adalah muktamad
- Jawapan hendaklah sampai selewat-lewatnya pada 26 Mac 2011
- Hantarkan jawapan berserta nama penuh, no. telefon dan alamat sekolah yang lengkap kepada :
- **Ketua Pengarang Berita Sawit**
Kuiz Sawit (Siri 2)
Ibu Pejabat MPOB
Peti Surat 10620
50720 Kuala Lumpur
(UP: Rashidah Mat Nor)
Atau melalui Faks :03-89264572

SOALAN KUIZ

1. Bilakah MPOB ditubuhkan?
 1 Mei 2000
 1 Januari 2000
 5 Jun 2006
2. Apakah nama sipsan akhbar berkaitan sawit yang dikeluarkan di akhbar Berita Harian pada setiap hari Sabtu minggu pertama setiap bulan?
 Berita Sawit
 Berita Akhbar Sawit
 Sipsan Akhbar Sawit
3. Minyak sawit dalam Bahasa Inggeris?
 Palm Olein
 Palm Oil
 Oil Palm
4. Sebuah kelab ditubuhkan khusus untuk pekebun kecil sawit yang berjaya mengeluarkan buah tandan segar melebihi 30 t/ha/thn. Apakah nama kelab itu?
 Kelab 40 tan
 Kelab Sawit
 Kelab 30 Tan
5. Apakah nama sistem memproses dan memperbaharui lesen secara elektronik yang dilaksanakan oleh MPOB?
 e-Lesen
 e-Pelepen
 e-Pelelanan
6. Tanaman ini sesuai ditanam di ladang sawit bagi mendapat hasil yang lumayan.
 Kacang botol
 Bayam
 Pisang
7. Minyak kenderaan ini mesra alam
 Petrol
 Gas
 Biodiesel
8. Setiap pokok boleh menghasilkan berapa tandan buah setahun?
 Antara 20-30 tandan
 Antara 10-12 tandan
 Antara 30-40 tandan
9. Antara berikut, manakah bukan biojisim sawit bagi menghasilkan produk?
 Pelepah Sawit
 Botang Sawit
 Akar Sawit
10. Di manakah terletak bank genetik sawit terbesar di dunia?
 Amerika Syarikat
 Ladang Sawit Felda
 Stesen Penyelidikan MPOB Kluang

BORANG PENYERTAAN

- Nama :
- Tahap :
- Alamat Sekolah :
- No. Tel:
- Tandatangan Guru:

Pemenang Kuiz Sawit Siri 2

1. Syalin Nurini binti Shahrul Izwan- Sek. Keb. Gangsa, Hang Tuah Jaya, Durian Tunggal, Melaka
2. Muhammad Tarmidzi bin Mohd Ali- Sek. Keb. Seri Intan, Kluang, Johor
3. Abdullah Akasyah- Sek. Keb. Jln Empat, Bandar Baru Bangi, Selangor
4. Nurul Maisara binti Abdullah- Sek. Keb. Sungai Korok Lama, Alor Star, Kedah
5. Nur Ainul Hayat binti Mohammad Ghazali- Sek. Keb. Padang Tembak, Jln Semarak, Kuala Lumpur
6. Nur Sofea binti Hushaini- Sek. Keb. Seri Duyung, Melaka
7. Nurabilah binti Abd. Karim- Sek. Keb. Rengit, Batu Pahat, Johor
8. Khairunnisa binti Ahmad Shahrin- Sek. Keb. Sri Jelok, Kajang, Selangor
9. Muhammad Thaqiyuddin bin Mizan- Sek. Keb. Sg. Baging, Kuantan, Pahang
10. Muhammad Thaqif bin Yazid, Sek. Keb. Karping Jaya, Setiu, Terengganu



TAN Sri Bernard Dompok semasa majlis perasmian Palm Oil Economic Review and Outlook Seminar di Kuala Lumpur, baru-baru ini. Turut kelihatan, Timbalan Ketua Setiausaha (Komoditi), Datin Paduka Nurmalia Abdul Rahim (dua dari kanan), Pengerusi MPOB, Dato' Seri Utama Shahrir Abd Samad (Dua dari kiri), Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May (kiri) dan Ahli Lembaga MPOB, Dato' Er Kok Leong.



TAN Sri Bernard Dompok melawat gerai pameran selepas perasmian Conference On New Business Opportunities In Oleochemicals, Biomass Sector & Nutraceuticals di Kota Kinabalu. Turut kelihatan, Pengerusi MPOB, Dato' Seri Utama Shahrir Abd Samad (tengah), Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May (empat dari kanan) dan Ketua Eksekutif POIC Sabah Sdn Bhd, Dr Pang Teck Wai (kanan).



TAN Sri Bernard Dompok mempengerusikan Dialog Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi dan agensi-agensi dengan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Sabah berkaitan komoditi di Kota Kinabalu. Turut kelihatan, Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May (tiga dari kiri).



PENGERUSI MPOB, Dato' Seri Utama Shahrir Abd Samad bersama pekebun kecil sawit Merlimau, Melaka semasa Majlis Penerangan Bantuan Kerajaan Melalui MPOB. Turut kelihatan, Pengarah Bahagian Integrasi dan Pengembangan MPOB, Idris Omar (kanan).



DELEGASI Malaysia bergambar bersama Ketua Delegasi yang juga Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May (tujuh dari kanan).



KETUA Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May (kanan) memberi penerangan kepada delegasi East Malaysia Planter's Association (EMPA) semasa lawatan ke MPOB.